

Yang saya hormati tuan/puan Pengerusi Majlis, barisan Hakim serta hadirin dan hadirat sekalian.  
Tajuk cerita saya ialah Kisah Nabi Muhammad s.a.w di Gua Tsur.

*Kekejaman Quraisy tidak terperi  
Lalu merancang membunuh Nabi  
Turunlah wahyu dari Ilahi  
Keluar berhijrah ke Madinatun Nabi*

Syair

Pada malam itu, Baginda menyuruh Ali tidur di katil Baginda. Sebelum keluar, Baginda membacakan ayat daripada surah Yasin lalu meniupkan ke arah orang yang mengepung rumah Baginda. Dengan kuasa Allah, mereka semua tertidur.

Baginda terus ke rumah Abu Bakar. Abu Bakar sangat gembira kerana terpilih menemani Baginda untuk berhijrah. Mereka berdua bergerak ke Gua Tsur. Hal ini sesuai dengan firman Allah dalam Surah An-Nisa' ayat 100:

﴿وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَافًا كَثِيرًا وَسَعَةً﴾

Maksudnya:

*“Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur”*

Rakan-rakan,

Nabi Muhammad s.a.w dan Abu Bakar sangat berani. Sungguhpun kaum Quraisy menghalang mereka untuk berhijrah dengan pelbagai cara, mereka tetap yakin. Seperti kata pepatah Melayu, *berani kerana benar takut kerana salah*.

Lihatlah keberanian rakyat Palestin yang berjuang mempertahankan tanah air walaupun tidak mempunyai senjata yang canggih.

-----  
Sebaik tiba di Gua Tsur, Abu Bakar masuk lalu membuang segala sampah sarap dan menutup lubang-lubang yang menjadi tempat persembunyian ular dengan menggunakan batu.

Kerana keletihan Baginda terlena,  
Datang Abu Bakar menyorongkan riba,  
Keluar ular mematuk bisa,  
Menitis air mata menahan sengsara.

Sajak

Baginda terjaga lalu bertanya, “ Mengapa engkau menangis wahai Abu Bakar?”. Abu Bakar lantas menjawab, “ Wahai Rasulullah, aku dipatuk ular”. Nabi bangun lalu mengubati kaki Abu Bakar. Kaki Abu Bakar terus sembuh dengan izin Allah.

Firman Allah:

إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيَ اثْنَيْنِ إِذْ هُمَا فِي الْغَارِ

Maksudnya:

*“Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telahpun menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Makkah) mengeluarkannya (dari negerinya Makkah) sedang ia salah seorang dari dua (sahabat) semasa mereka berlindung di dalam gua”.*

Surah At-Taubah ayat 40

Hadirin sekalian,

Tindakan Abu Bakar menunjukkan kasih sayang beliau yang sangat mendalam terhadap Nabi Muhammad s.a.w.

Dewasa ini kita sering mendengar tentang kes-kes pembuangan bayi. Semua ini berlaku kerana hilangnya rasa kasih sayang dalam diri manusia.

Nabi Muhammad s.a.w dan Abu Bakar berada dalam Gua Tsur selama 3 hari. Asma’ puteri Abu Bakar ditugaskan menghantar makanan setiap hari.

Asma’ seorang yang berani,  
Hantar makanan seorang diri,  
Pergi dengan cara sembunyi,  
Digelar *Zatun Nitaqaini*

Lagu Selawat

Asma’ digelar *Zatun Nitaqaini* kerana pada hari pertama menghantar makanan, dia terlupa membawa tali bagi mengikat bekas makanan. Asma’ mengoyakkan tali pinggangnya menjadi dua, satu sebagai tali sangkut dan satu lagi bagi mengikat pinggangnya. Itulah sebabnya dia dikenali dengan panggilan ‘*Zatun Nitaqaini*’ yang bererti yang mempunyai 2 tali pinggang.

Hadirin yang dimuliakan,

Perancangan yang bijak dan teratur adalah asas kejayaan. Sungguhpun kaum Quraisy merancang untuk membunuh Nabi, Allah mempunyai perancangan yang tersendiri. Firman Allah dalam surah Al-Anfal ayat 30:

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ اللَّهُ

## وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينِ

Maksudnya:

*“Dan ingatlah (Wahai Muhammad), ketika orang-orang kafir musyrik (Makkah) menjalankan tipu daya terhadapmu untuk menahanmu, atau membunuhmu, atau mengusirmu. Mereka menjalankan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya”.*

Di negara kita, pihak kerajaan senantiasa merancang pelbagai usaha untuk memastikan proses pendidikan berjalan dengan baik dan lancar. Sesungguhnya, dengan perancangan yang teliti pasti akan membuahkan hasil yang gemilang.

---

Kaum Quraisy berusaha mencari Nabi Muhammad s.a.w dan Abu Bakar.

Tawaran 100 ekor unta,	
Kepada yang menangkap Muhammad,	Lagu
Masing-masing tidak ketinggalan,	Solatullah
Memburu harta idaman.	

Pada satu ketika, beberapa orang kafir Quraisy yang mencari Nabi sampai di tepi pintu Gua Tsur. Abu Bakar sangat bimbang lalu berkata: “Wahai Rasulullah, sekiranya mereka masuk ke dalam gua ini, pasti kita akan dilihat oleh mereka”. Allah melindungi Nabi Muhammad dan Abu Bakar lalu berfirman:

لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا ۗ فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُنُودٍ لَّمْ تَرَوْهَا

Maksudnya:

*"Janganlah engkau berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kita". Maka Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada (Nabi Muhammad) dan menguatkannya dengan bantuan tentera (malaikat) yang kamu tidak melihatnya.*

Surah At-Taubah ayat 40

Dengan kuasa Allah, labah-labah dan merpati membuat sarang di depan Gua Thur, menunjukkan bahawa gua itu tidak dimasuki oleh sesuatupun sejak sekian lama.

Begitulah kawan-kawan, sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas setiap sesuatu.

Perhatikan bagaimana mangsa gempu bumi masih terselamat meskipun mereka berada dalam bangunan yang runtuh. Segalanya berlaku dengan kuasa Allah jua.

---

Setelah 2 hari 3 malam berada di Gua Tsur, Nabi Muhammad s.a.w. dan Abu Bakar berangkat menuju Madinah. Mereka menggunakan khidmat Abdullah bin Uraiqit sebagai penunjuk jalan. Mereka semua menaiki 2 ekor unta. Seekor dikongsi oleh Nabi Muhammad dan Amir Fuhairah, bekas hamba kepada Abu Bakar dan seekor lagi dikongsi oleh Abu Bakar dan Abdullah bin Uraiqit. Sebagai orang yang biasa dan mahir dengan selok belok jalan di situ, Abdullah bin Uraiqit membawa mereka melalui jalan yang jarang dilalui oleh orang lain.

Akhirnya Nabi Muhammad dan Abu Bakar serta pembantunya selamat sampai di Kota Madinah. Segalanya berlaku hasil strategi dan perancangan yang teliti oleh Nabi Muhammad s.a.w. Firman Allah dalam surah Muhammad ayat 7:

يَتَّيِّبُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَنْصُرُوا اللَّهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ

Maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu”.*

Hadirin sekalian,

Kejayaan Negara Turki kembali diperintah oleh pemerintah Islam adalah jaminan kejayaan dan bukti bahawa Allah sentiasa bersama dengan pihak yang membela Islam.

Ingatlah kawan-kawan, yang baik jadikan teladan bersama.

Disediakan oleh



Email: [ustatkimi@yahoo.com](mailto:ustatkimi@yahoo.com)

Blog: <http://ustatkimi.blogspot.com>

FB: Hakimi Hj Md Said

دضوا ور

